

14/07/1997

TTC gigih latih kakitangan

Raja Roslan Raja Abd Rahman

KOLEJ Latihan Telekom (TTC) yang ditubuhkan sejak 1948, adalah satu-satunya kolej telekomunikasi paling awal dan tertua di negara ini. Ia mula beroperasi di sebuah rumah dikenali sebagai 'Gracelyn' di Jalan Ipoh, Kuala Lumpur.

TTC lebih menumpukan perhatiannya kepada pembangunan latihan kakitangan Telekom Malaysia yang dahulunya dikenali sebagai Jabatan Telekom Malaysia (JTM). Ekoran daripada pembangunan pesat negara, pada tahun 1995, institusi yang dikenali sebagai Pusat Latihan Telekom ditukarkan kepada TTC dan ditempatkan di sebuah bangunan di Jalan Gurney Kiri.

Pengurus Besar TTC, Alias Masod, ketika ditemui berkata TTC ditubuhkan bagi melatih tenaga mahir untuk Syarikat Telekom Malaysia (STM).

Beliau berkata peluang latihan di situ diperluaskan meliputi semua individu, syarikat dan organisasi yang berminat termasuk dari dalam dan luar negara.

"Ini sejajar dengan matlamat STM untuk menjadi sebuah syarikat telekomunikasi kelas dunia yang mengambil kira kemahuan pelanggan. Matlamat TTC pula ialah menjadi pusat pembelajaran organisasi latihan kelas dunia bersesuaian dengan pengurusan latihan serta aspirasi negara," katanya.

Untuk itu, TTC menubuhkan cawangan-cawangan di Melaka, Taiping, Terengganu, Sarawak dan Sabah selain Kuala Lumpur bertujuan untuk menampung kursus-kursus dan peserta kursus STM yang semakin tinggi. Antara strategi TTC ialah menyenaraikan TTC di papan utama Bursa Saham Kuala Lumpur (KLSE) pada tahun 2000.

Selain itu TTC juga mahu menjadi perintis kepada pengurusan kerjaya dan meningkatkan pembangunan pelbagai kemahiran (multiskillings) di kalangan kakitangan STM dan juga organisasi luar STM yang memerlukan. TTC Kuala Lumpur dibahagi beberapa bahagian utama seperti perkhidmatan latihan yang meliputi Sekolah Telekomunikasi, Pengurusan dan Perniagaan, Sekolah Pembangunan Sumber Manusia, Pusat Multimedia, Sekolah Teknologi Maklumat dan Kolej Serantau.

Kata beliau, terdapat juga Bahagian Projek Khas, Pengurusan Kemudahan, Pembangunan Organisasi, Pembangunan Perniagaan dan Bahagian Pemasaran di TTC. Pembangunan Sumber Manusia (HRD) dan Multimedia amat dititikberatkan oleh TTC bersesuaian aspirasi negara yang diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Selaras dengan perubahan pesat dalam HRD yang dahulunya dipelopori oleh Amerika Syarikat, beliau menegaskan TTC akan menjadi contoh utama kepada pembelajaran jangka panjang, termasuk aspek latihan, pendidikan dan pembangunan kakitangan STM sendiri.

Pembangunan kemahiran di kalangan kakitangan STM amat penting terutamanya dalam bentuk praktikal dan aplikasi ilmu yang diperolehi di tempat mereka bertugas. Ini kerana mereka merupakan penjana kepada perubahan menyeluruh STM sama ada di peringkat bawahan, pertengahan dan atasan.

Alias berkata, TTC amat berpegang kepada konsep "Multiskilling" iaitu inginkan kakitangan STM mempunyai pelbagai kemahiran dalam hidupnya.

Ini akan membantu pekerja mengambil alih tugas kakitangan lain sekiranya diperlukan oleh pihak STM.

Contohnya, sekiranya kakitangan pengurusan komputer tidak hadir, kakitangan teknikal yang mempunyai "multiskilling" dapat membantu

menguruskannya.

Katanya, pembangunan di Cyberjaya turut mengundang pihak STM untuk membuka Sekolah Multimedia yang mempunyai peralatan canggih bersesuaian dengan lokasi dan kehendak MSC pada tahun 2000 nanti.

Pihak pengurusan STM juga akan membina sebuah kompleks latihan yang moden bagi menggantikan TTC di Lembah Klang yang berteraskan "multipurpose" dan "integrated". Kompleks baru itu akan mengandungi enam bangunan, kompleks sukan dan rekreasi, resort/hotel, padang golf sembilan atau 18 lubang, kafeteria dan sebagainya.

Beliau berkata, langkah ini bagi memberi kemudahan kepada peserta berkursus dalam suasana yang harmoni dan seterusnya meningkatkan kualiti kerja sekembalinya mereka daripada berkursus nanti.

Sementara itu, Eksekutif Perhubungan Awam TTC, Ahamad Othman, berkata sehingga kini pekerja teknikal dan kejuruteraan dari lebih 48 negara termasuk dari negara rantau Asia Pasifik dan Afrika, sudah mengikuti pelbagai kursus kemahiran di kolej berkenaan. Sehubungan itu, katanya TTC menambah bidang latihan baru untuk disesuaikan dengan corak dan kehendak semasa.

"Antara bidang latihan yang ditawarkan ialah Diploma Kejuruteraan Elektrik dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia," kata Ahmad.

Katanya, kursus selama 61 minggu itu memberi pendedahan mengenai cara pengendalian peralatan telekomunikasi terkini.

Selain mata pelajaran wajib seperti asas elektronik, telekomunikasi dan Matematik, TTC juga menawarkan latihan peringkat Sijil Telekomunikasi selama tujuh bulan.

Antara bidang yang diberi penekanan ialah pembangunan teknologi multimedia, teknologi maklumat, sistem transmisi dan isyarat.

(END)